

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HGM 343 – Geografi Perindustrian**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Rasional fundamental kajian geografi perindustrian dari mula hingga sekarang sering dikaitkan dengan pola dan taburan aktiviti pembuatan yang tidak merata. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada Malaysia.

[25 markah]

2. [a] Jelaskan maksud paradigma tekno-ekonomi.

[10 markah]

- [b] Huraikan kesesuaian dan ketepatan paradigma tekno-ekonomi ini dalam menjelaskan impak perubahan teknologi kepada industri pembuatan.

[15 markah]

3. SAMA ADA

- [a] Merujuk kepada industri elektronik/komputer, bincangkan rangkaian pengeluaran global Asia dengan memberi tumpuan khusus kepada kedudukan dan peranan Malaysia dalam rangkaian ini.

[25 markah]

ATAU

- [b] Bincangkan rangkaian pengeluaran global sebuah *flagship* elektronik dengan merujuk khusus kepada impak organisasi globalnya kepada Malaysia.

[25 markah]

4. Toyota mengamalkan sistem dan rangkaian pengeluaran yang dikenali sebagai *Toyotatism*.

- [a] Huraikan hubungan Toyota dengan pembekal-pembekalnya dalam sistem *Toyotatism* ini.

[10 markah]

- [b] Merujuk kepada industri pengeluaran kenderaan di Malaysia, bincangkan kesesuaian *Toyotatism* kepada usaha Proton untuk mewujudkan jaringan yang lebih bermakna dengan pembekal-pembekalnya.

[15 markah]

...3/-

5. Bincangkan kebergunaan rangka kerja konsep daerah perindustrian yang berteraskan jaringan setempat dalam perumusan dasar berkaitan pembangunan kawasan perindustrian.

[25 markah]

6. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan mengapa pengelompokan industri berlaku dan apakah pengajarannya dari sudut pemupukan hubungan antara industri bagi tujuan pembangunan kawasan.

[25 markah]

7. Bincangkan implikasi integrasi sebuah wilayah di Malaysia dengan aktiviti pengeluaran produk elektronik di peringkat global.

[25 markah]

- ooo 0 ooo -